

Headline **Komitmen penjagaan alam sekitar**
Date **17 Feb 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **Noor Ainulyakin Mohamad Ishak**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S28**
Article Size **375 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,063**
PRValue **6,188**



Komitmen penjagaan alam sekitar

SHAH ALAM – Dalam masa enam bulan akan datang, lebih 70,443 murid daripada 50 sekolah rendah sekitar Lembah Klang akan mengambil bahagian dalam program alam sekitar, Nurture For Nature yang bertujuan mengajak murid berganding bahu dalam usaha memelihara alam sekitar.

Dianjurkan oleh Tetra Pak (Malaysia) Sdn Bhd dengan sokongan Kementerian Pelajaran serta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), program Nurture For Nature dilancarkan secara rasmi untuk tahun kedua di Sekolah Kebangsaan Seksyen 9, baru-baru ini.

Pengarah Komunikasi dan Alam Sekitar Tetra Pak, Terryz Tan berkata, pihaknya juga akan menyediakan

bahan bacaan kepada sekolah mengenai pengitaran semula kotak minuman dan isu-isu berkaitan untuk dipaparkan di papan notis khas dikenali 'Sudut Tetra Pak'.

"Papan notis berkenaan akan memaparkan carta kutipan kotak minuman terpakai supaya murid boleh mengetahui perkembangan terkini mereka dalam pertandingan berkenaan serta informasi berkenaan alam sekitar daripada FRIM dan Tetra Pak," katanya pada majlis berkenaan.

Hadir sama, Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran, Mohd Anuar

Abdul Hamid

Menurutnya, Tetra Pak juga akan membantu setiap sekolah mendirikan kumpulan Nature Rangers (Renjer Alam Sekitar) dan setiap kumpulan terdiri daripada 10 murid yang dilantik.

Katanya, mereka dilantik untuk membantu guru terlibat dalam pengurusan serta pengendalian pertandingan kotak minuman di samping menjadi perantaraan untuk mendorong kawan-kawan mereka supaya menjadi lebih proaktif terhadap isu alam sekitar.

Sekolah yang mencapai kutipan kotak minuman terpakai paling tinggi pada hujung program itu akan menerima hadiah wang sebanyak RM5,000 sementara pemenang tempat kedua dan ketiga akan membawa

pulang RM3,000 dan RM2,000 masing-masing.

Manakala, kumpulan Nature Rangers daripada tiga sekolah yang menyertai bersama kelas dengan kutipan tertinggi sepanjang tempoh pertandingan akan menyertai lawatan khas yang ditaja oleh Tetra Pak.

Program Nurture For Nature yang bermula sebagai program kitar semula kotak minuman sekarang diperluaskan merangkumi aspek-aspek elemen alam sekitar seperti kitar semula dan perubahan iklim.

Tunjang program berkenaan adalah termasuk ceramah pendidikan dan pertandingan kitar semula kotak minuman di antara 50 sekolah yang akan mengambil bahagian.



● Anuar semasa merasmikan majlis dalam acara simbolik membuka ruang tong kitar semula.

Headline **Komitmen penjagaan alam sekitar**
Date **17 Feb 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **Noor Ainulyakin Mohamad Ishak**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S28**
Article Size **375 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,063**
PRValue **6,188**



● Murid Renjer Alam Sekitar bergambar bersama Mohd Anuar (tiga, kiri belakang) bersama Terrynz (kiri) selepas merasmikan majlis berkenaan.